

22/09/1999

Kaum Siam tidak mahu diperalat

KUALA LUMPUR, Selasa - Persatuan Siam Kelantan, Kuala Lumpur dan Selangor (Pesila) mengingatkan parti pembangkang supaya tidak memperalatkan penduduk keturunan Siam dalam keghairahan memancing undi menjelang pilihan raya umum.

Sehubungan itu, Setiausaha Pesila, Prasert Eh Chai, kesal dengan perbuatan Pas menggunakan seorang penceramah bebas, Chong Thian Teik, yang mengaku berketurunan Cina-Siam, untuk menghentam, menghina dan memburukkan Umno serta pemimpin kerajaan.

Menurutnya, ceramah Chong di Perlis, baru-baru ini, dianggap satu penghinaan dan menyinggung perasaan masyarakat Siam.

Katanya, tuduhan Chong dalam beberapa ceramahnya seperti Umno tidak Islam juga tidak bertamadun.

"Apakah sandaran Chong untuk menuduh demikian kerana dia bukan beragama Islam. Hanya orang yang jahil dan tidak ada pegangan agama gemar mengutuk orang lain.

"Kami tidak menyangka Chong sanggup diperalatkan parti pembangkang untuk kepentingan mereka.

"Kita tidak mahu kejadian itu berterusan kerana ia boleh menjejaskan imej masyarakat Cina-Siam serta boleh meretakan hubungan orang Melayu dan Siam yang sudah tersimpul erat sejak zaman-berzaman," katanya ketika mengunjungi Balai Berita, di sini hari ini.

Sebelum ini, pada beberapa ceramah anjuran Pas di Perlis, Chong yang mendakwa berketurunan Cina-Siam dan dikenali sebagai Tok Misai serta Mat Sabu Siam, memaki hamun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan kata-kata lucu dan kesat, termasuk menggelarnya tong tahi.

Prasert berkata, pihaknya memberi penerangan terutama di sekitar Perlis, Kelantan dan Kedah mengenai keadaan sebenarnya bagi mengelak kekeliruan orang ramai.

Katanya, masyarakat Cina-Siam sentiasa menyokong Barisan Nasional (BN) dan berdiri teguh di belakang kepimpinan Dr Mahathir.

"Tinjauan Pesila di Kelantan mendapati kebanyakan penduduk bukan Melayu, terutama masyarakat Siam masih setia dengan BN.

"Mereka juga yakin dengan dasar pemerintahan BN dan keyakinan itu berasas kerana pemerintahan Pas, masyarakat Siam banyak dikelirukan.

"Kita juga ingin menegaskan masyarakat Siam walaupun hanya golongan minoriti, tetap memberi sokongan padu kepada BN dan Dr Mahathir," katanya.

(END)